

ETIKA PERKHIDMATAN KESIHATAN DALAM ISLAM

Oleh : Dr. Rohani Binti Desa¹

¹ Dekan Kulliyah Syariah Dan Undang-undang, Kolej Universiti INSANIAH (KUIN).

ABSTRAK

Kajian ini berkaitan etika perkhidmatan kesihatan dalam Islam. Kajian ini dimulai dengan definisi perubatan dan perkhidmatan kesihatan. Seterusnya dibicarakan mengenai etika dalam perkhidmatan kesihatan Islam yang merangkumi etika perawat, etika sesama perawat, etika perawat dengan pesakit, kerahsiaan dalam perubatan dan syarat-syarat untuk melakukan rawatan.

Pendahuluan

Perkhidmatan kesihatan adalah sama dengan perkhidmatan perubatan¹ kerana objektif utama perkhidmatan kesihatan adalah untuk memberi khidmat perubatan kepada pesakit.² Menyediakan perkhidmatan perubatan biasanya diambil tanggungjawab oleh pemerintah sesebuah negara meskipun tanggungjawab mendapatkan perkhidmatan tersebut adalah hak individu. Mempelajari ilmu perubatan merupakan tuntutan fardu *kifayah* yang mesti disempurnakan oleh sebahagian anggota masyarakat. Sesebuah kerajaan biasanya akan memastikan keperluan dalam perkhidmatan ini seperti prasarana, ubat-ubatan dan perawat dalam pelbagai kepakaran mencukupi untuk rakyatnya. Oleh kerana pelanggan perkhidmatan ini adalah masyarakat awam maka perkhidmatan perubatan harus beroperasi mengikut lunas-lunas, adab dan etika yang ditetapkan Allah SWT terhadap mereka yang terlibat dalam perkhidmatan ini.

Definisi Perubatan Dan Perkhidmatan Kesihatan

Al-Tibb (الطِّبُّ) dalam bahasa Arab mengandungi beberapa makna. Di antaranya ialah *al-'Islah* (الإصلاح) yang bermaksud 'memperbaiki'. Dengan demikian dikatakan *طَبَّبْتُهُ* apabila seseorang telah memperbaiki sesuatu (أَصْلَحْتُهُ). Kadangkala orang-orang Arab menggunakan perkataan *al-Tibb* dengan maksud lemah-lembut (لَطْفٌ) atau politik (سِيَّاسَةٌ). Seterusnya perkataan *al-Tibb* juga digunakan dengan makna cerdik (الْحَدِثُ) dan mahir (المَهَارَةُ). Oleh yang demikian, setiap orang yang cerdik dalam masyarakat Arab digelar sebagai *طبيب* sekalipun kecerdikan orang tersebut bukan dalam bidang pengubatan penyakit. Apabila dikatakan *رجل طبيب* ianya bermaksud lelaki yang cerdik. Dia digelar *Tabib* lantaran kecerdikan dan kemahirannya. Perkataan *al-Tibb* juga digunakan dengan makna 'orang yang mengetahui sesuatu perkara (العالمُ بالأُمُور)'. Antaranya lagi perkataan *al-Tibb* juga

¹Perkhidmatan perubatan adalah perkhidmatan yang berkaitan dengan kesihatan rakyat seperti bekalan perubatan dan sebagainya. Lihat : Hajah Noresah bt. Baharom dan kawan-kawan (2010M), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 783.

²al-Baghdadi, Muwaffiq al-Din cAbd al-Latif (1986M), *al-Tibb Min al-Kitab Wa al-Sunnah* (Sunt. Dr. 'Abd al-Mucti Amin Qal'aji), Beirut: Dar al-Macrifah. h.177.

digunakan dengan makna kebiasaan (العادة). Jika seseorang mengatakan ليس ذلك بطبيي ianya bermaksud “Perkara itu bukanlah kebiasaan saya”.¹

Selain itu perkataan *al-Tibb* juga banyak digunakan dengan makna sihir (السِّحْر). Apabila orang Arab menyebut الرجل مَطْبُوبٌ ianya bermaksud ‘Lelaki itu disihir (مَسْحُور)’. Sebenarnya menyebut perkataan sihir (السِّحْر) dengan menggunakan perkataan الطِّبُّ oleh orang-orang Arab adalah sebagai memberi harapan baik (التفاؤل) kepada orang yang terkena sihir (مسحور) iaitu ‘mudah-mudahan diubati (مطبوب)’.² Perkataan *al-Tibb* juga seringkali digunakan dengan makna nafsu (الشَّهْوَة) dan penyakit (الدَّاء). Dengan yang demikian dinamakan orang yang merawat penyakit dan kadi yang menyelesaikan perbalahan sebagai الطَّبِيبُ kerana kadi itu menyamai *Tabib* dari sudut mengelokkan manusia. Menurut istilah ulamak, *al-Tibb* ialah suatu ilmu yang diketahui dengannya keadaan tubuh badan manusia dari sudut kesihatan.³

Daripada takrifan-takrifan *al-Tibb* di atas, dapatlah disimpulkan bahawa definisi perkhidmatan perubatan menurut ulamak silam ialah perkhidmatan yang berkaitan memperbaiki mutu kesihatan manusia merangkumi kesihatan fizikal dan seksual yang dilakukan oleh individu yang mempunyai kecerdikan dalam memilih ubatan dan berkemahiran tinggi melakukan rawatan atau terapi yang bersesuaian dengan sesuatu penyakit termasuk penyakit yang diakibatkan oleh perbuatan sihir dan aktiviti mengubati penyakit ini sudah menjadi suatu lumrah atau kebiasaan bagi individu tersebut.

Definisi Pengubat/ Perawat

Kesihatan tubuh badan merupakan keperluan asasi manusia dan iabukannya kemewahan ataupun kelebihan. Lantaran itu profesion keperawatan merupakan satu profesion yang tidak bertentangan dengan objektif pensyariatannya itu sendiri. Ianya merupakan suatu kewajipan yang dituntut oleh Syarak demi memenuhi keperluan penjagaan kesihatan manusia. *Al-Tabib* merupakan gelaran bagi individu yang dikhususkan mengubati penyakit, seorang yang arif dalam ilmu perubatan, berkeupayaan mengubati dan berkemahiran tinggi.⁴

Ianya terbahagi dua; Pertama : *Tabib 'Ikhtisasi* iaitu Perawat Pakar dalam bidang-bidang tertentu seperti Pakar Pergigian, Pakar Kanak-kanak, Pakar Telinga,

¹Ibn Tarkhan, Abi al-Hasan ‘Aly bin ‘Abd al-Karim bin Tarkhan bin Taqiyy al-Din al-Hamawiyy ‘Ala’ al-Din Al-Kahhal (2003M), *al-Ahkam al-Nabawiyyah Fi al-Sina’ah al-Tibbiyyah* (sunt. Dr. Ahmad ‘Abd al-Ghani Muhammad al-Najuli Al-Jamal), Kuwait: Dar Ibn Hazm, h.52.

²Al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-‘Ulum (1989M), *al-Mu‘jam al-‘Arabiyy al-Asasiyy*, t.t.p.: Larouse, h.784.

³Ibn Tarkhan, Abi al-Hasan ‘Aly bin ‘Abd al-Karim bin Tarkhan bin Taqiyy al-Din al-Hamawiyy ‘Ala’ al-Din Al-Kahhal (2003M), *al-Ahkam al-Nabawiyyah Fi al-Sina’ah al-Tibbiyyah* (sunt. Dr. Ahmad ‘Abd al-Ghani Muhammad al-Najuli Al-Jamal), Kuwait: Dar Ibn Hazm, h.53.

⁴Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Mukarram (1990M), *Lisan al-‘Arab*, Beirut: Dar al-Sadir, j.1, h.553; Ibn Tarkhan (2003M), op. cit. , h.53.

Hidung Dan Kerongkong, Pakar Sakit Puan, Pakar Kulit, Pakar Mata dan Pakar Sakit Jiwa. Manakala kedua: *Tabib 'Am* iaitu Perawat yang tidak mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang tertentu.¹ Berdasarkan takrifan *al-Tibb* menurut istilah ulamak' seperti yang telah dibincangkan di atas, maka definisi *al-Tabib* ialah 'Orang yang mengetahui ilmu perubatan, berkemampuan dan sangat pintar (dalam hal perubatan).² Dalam suatu takrifan lain yang lebih terperinci *al-Tabib* ialah 'Seseorang yang berkeahlian mengamalkan ilmu perubatan dan merawat pesakit.'³

Dahulukala panggilan *al-Tabib* digunakan kepada sesiapa yang berpengalaman luas dalam ilmu perubatan dan merawat pesakit.⁴ Namun tiada satu ukuran dalam menentukan sejauhmanakah ilmu seseorang itu dalam ilmu perubatan tersebut. Ibn Khaldun⁵ berpendapat bahawa Rasulullah SAW walaupun mengetahui bahan-bahan perubatan dan ayat-ayat al-Qur'an bagi penyakit-penyakit tertentu, namun pada pandangan beliau Nabi SAW bukanlah seorang *al-Tabib*. Baginda SAW diutuskan untuk mengajarkan manusia tentang syariat dan bukannya hal-hal keduniaan.⁶ Namun pendapat ini disangkal oleh sebahagian ulamak dan menyifatkan Nabi SAW sebagai *al-Tabib* yang hebat.⁷

Biasanya kehebatan seseorang *Tabib* dalam masyarakat dinilai berdasarkan jumlah pesakit yang telah sembuh dengan ramuan ubatan yang disediakan atau teknik rawatan yang digunakan oleh *Tabib* tersebut. Ini bermakna *al-Tabib* pada masa tersebut, selain perlu bijak menentukan penyakit berdasarkan simptom yang dialami pesakit, beliau juga merupakan ahli farmasi, jururawat atau ahli fisioterapi. Ini adalah kerana selepas pemeriksaan dilakukan ke atas pesakit bagi menentukan penyakit dan tahap kesakitan, *al-Tabib* pada waktu tersebut akan bertindak menyediakan ramuan ubatan, melakukan rawatan atau terapi bersesuaian.

Namun begitu berdasarkan sejarah Islam, dalam kes-kes rawatan kecemasan seperti di medan peperangan, tugas merawat dilakukan oleh perawat khas yang diletakkan di dalam khemah khas yang berfungsi sebagai hospital. Perawat khas

¹ Al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum (1989M), *op. cit.*, h.784.

² *Ibid.*

³ Dr. Ahmad Muhammad Kan'an (2000M), *al-Mawsu'ah al-Tibbiyyah al-Fiqhiyyah*, Beirut: Dar al-Nafa'is, h.651.

⁴ Rasulullah SAW pernah menyebut nama al-Syamardal bin Qubab al-Ka'biy al-Najrani sebagai al-Tabib pada zaman baginda. Lihat; Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, al-'Imam Syams al-Din 'Abi' Abd al-Lah Muhammad bin Abi Bakr al-Hanbali al-Dimasyqi (2000M), *al-Tibb al-Nabawiyy* (sunt. Dr. 'Abd al-Mu'ti 'Amin Qal'aji), Damsyik: Dar Qutaybah, c.16, h.39.

⁵ Pandangan ini dinukilkan oleh Dr. Hisyam Ibrahim al-Khatib. Lihat: Dr. Hisyam Ibrahim al-Khatib (1985M), *al-Wajiz Fi al-Tibb al-Islami*, Amman: Dar al-'Arqam., h.62.

⁶ Pandangan ini berdasarkan sabda Nabi SAW yang berbunyi: أنتم أعلم بأمور دنياكم. Lihat: al-Suyuti, 'Abd al-Ghani dan Fakhr al-Hasan al-Dahlawi (t.t.), *Syarh Sunan Ibn Majah*, Karatasyi: Qadimi Kutub Khanah, j.1, h.2; Ibn Hazm, 'Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Hazm al-'Andalusi (1404H), al'Ihkam li Ibn Hazm, Kaheerah : Dar al-Hadith, j.5, h.128.

⁷ Dr. Hisyam Ibrahim al-Khatib (1985M), *op. cit.*, h.62-63.

medan peperangan pada zaman Rasulullah SAW digelar 'Asiyah'. Mereka bertugas merawat tentera yang tercedera dalam peperangan dengan cara membalut luka, membuat anduh bagi mengampu tulang yang patah, menyediakan minuman untuk tentera dan dalam waktu terdesak mereka juga turut berperang. Antara perawat khas medan peperangan pada ketika itu ialah Rufaydah al-'Aslamiyyah, al-Rabi^c Bint Mu^cawwidh, Ku^caybah Bint Sa^cad al-'Aslamiyyah, 'Umaymah Bint Qays al-Ghifariyyah, Umm ^cAtiyyah al-'Ansariyyah, 'Umm Sinan al-'Aslamiyyah, 'Umm Sulaym, 'Umm 'Ayman dan Nusaybah al-Mazaniyyah.¹

Di Malaysia, untuk sah bergelar jururawat dan bidan kedua-dua profesion ini perlu didaftarkan berdasarkan Akta jururawat 1950 dan Akta Bidan 1966. Berdasarkan Akta jururawat 1950, seseorang hanya boleh didaftarkan dalam Lembaga jururawat Malaysia sebagai seorang jururawat setelah menjalani latihan yang ditetapkan di suatu institusi yang diluluskan oleh Lembaga Jururawat Malaysia dan mempunyai pengalaman yang ditetapkan untuk merawat pesakit.

Begitu juga seseorang yang telah memuaskan hati Lembaga bahawa dia telah dilatih di sesuatu tempat di luar Malaysia di mana piawai latihan dan peperiksaan yang dikehendaki di bawah Akta Jururawat 1950 boleh didaftarkan sama ada sebagai jururawat am untuk pesakit atau sebagai jururawat sesuatu kelas khas setelah memuaskan hati Lembaga Jururawat Malaysia tentang identiti dan kelakuan baiknya.² Seorang bidan pula ialah jururawat terlatih yang berkelulusan Perbidanan atau seseorang yang telah lulus peperiksaan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Bidan atau sesiapa yang mempunyai kelulusan yang boleh diterima oleh Lembaga Bidan untuk mengamalkan kebidanan dengan mana mana badan yang diiktirafkan oleh Lembaga Bidan.³

Etika Perkhidmatan Kesihatan Islam

Etika ialah prinsip moral atau nilai-nilai akhlak, adat, sopan santun dan sebagainya yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia.⁴ Melakukan apa-apa perbuatan yang diterima masyarakat semasa dan setempat adalah dianggap beretika. Sementara akhlak pula ialah sekumpulan sifat dalaman dan luaran yang ditentukan baik buruknya oleh Islam.⁵

Setiap individu yang beretika belum tentu boleh diterima sebagai seorang yang berakhlak mulia lantaran penentuan baik atau buruk sesuatu perbuatan bergantung kepada sejauhmana pengiktirafan syarak ke atas perbuatan tersebut.

¹ Lihat: Ibid., h. 71-72; Ja'far Murtada al-'Amili (1991M), *al-Adab al-Tibbiyyah Fi al-Islam Ma'a Lamah Mujizah 'An Tarikh al-Tibb*, Beirut: Dar al-Balaghah, h.37.

² Lihat: Seksyen 6 (2), *Akta Jururawat 1950* (Akta 14).

³ Lihat: Bahagian 1 dan Bahagian 2 (a) dan (b), *Akta Bidan 1966* (Akta 54).

⁴ *Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka*, ed.4.

⁵ Al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum (1989M), *al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiy*, t.t.p.: Larouse, h.419.

Secara umumnya, akhlak atau adab dalam Islam banyak disebut dalam al-Qurandan diterangkan secara terperinci menerusi hadis-hadis Nabi SAW. Manusia yang berakhlak adalah manusia yang melakukan kebaikan (*al-Birr*).¹ Antara hadis Nabi SAW berkaitan akhlak ialah:

«إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ»

Maksudnya:

*Sesungguhnya aku diutuskan hanyalah untuk menyempurnakan akhlak.*²

Sementara berkaitan *al-Birr*, Nabi SAW bersabda:

«الْبِرُّ حُسْنُ الْخُلُقِ، وَالْإِنَّمُ مَا حَاكَ فِي نَفْسِكَ وَكَرِهْتَ أَنْ يَطَّلِعَ عَلَيْهِ النَّاسُ»

Maksudnya:

*Kebaikan itu adalah akhlak yang elok manakala dosa pula ialah sesuatu yang tersimpan dalam hatimu dan engkau tidak suka orang ramai mengetahuinya.*³

Sebagai seorang Islam, penghayatan akhlak atau *al-Birr* adalah sesuatu tuntutan kerana ianya adalah pelengkap kepada akidah dan syariah untuk bergelar muslim sejati. Nilai-nilai akhlak yang indah akan terserlah dalam peribadi muslim sejati secara spontan tanpa perlu dipaksakan oleh sesiapa sebagai natijah daripada keimanan yang kukuh dan penghayatan syariah yang ampuh.

Berdasarkan prinsip umum akhlak dan tuntutan *al-Birr* di atas, beberapa tulisan perawat muslim berkaitan etika kejururawatan dan kod etika yang

¹Di antara ayat-ayat al-Qur'an yang menyatakan bentuk-bentuk *al-Birr* seperti beriman, mencapai al-'Ihsan, bersabar, bercakap benar dan bertaqwa ialah ayat 177 surah al-Baqarah. Sementara jalan atau cara mendapatkan *al-Birr* pula terdapat dalam ayat 151-153 surah al-'An'am. Ayat tersebut menggariskan beberapa cara mendapatkan kebaikan seperti tidak mensyirikkan Allah SWT, berbakti kepada ibubapa, tidak membunuh zuriat, tidak melakukan perkara yang keji zahir dan batin, tidak memakan harta anak yatim, benar dalam timbangan dan sukatan dan menunaikan janji.

² Lihat: Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali bin Musa (1994M), *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra* (Sunt. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata), Mekah : Maktabah Dar al-Baz, j.10, h.191 (Bab Bayan Makarim al-Akhlaq wa Ma'alih, no.40); al-Qada'i, 'Abu'Abd al-Lah Muhammad bin Salamah bin Ja'far (1986M), *Musnad al-Syihab* (Sunt. Hamdi bin 'Abd al-Majid al-Salafi), Beirut: Mu'assasah al-Risalah, c.2, j.2, h.192 (Innama Bu'ithtu li 'Utammim Makarim al-'Akhlaq, no.1165).

³ Lihat: Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyayri al-Naysaburi (t.t.), *Sahih Muslim* (Sunt. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi), Beirut: Dar 'Ihya' al-Turath, j.4, h.1980 (Bab Tafsir al-Birr wa al-'Ithm, no.2553); Ibn Hiban, 'AbuHatim Muhammad bin Hiban bin Ahmad al-Tamimi al-Basti (1993M), *Sahih Ibn Hiban* (Sunt. Syu'ayb al-'Arnaut), Beirut : Mu'assasah al-Risalah, c.2, j.2, h.123 (Dhikr al-Ikhbar 'Amma Yajib 'Ala al-Mar'i Min al-Ta'ahud li Sara'irih wa Tark al-Ighda' 'An al-Muhaqqarat, no.397).

dikeluarkan oleh Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM)¹ sebagai landasan perbincangan, penulis akan menganalisa etika kejururawatan dalam Islam yang perlu diaplikasi dalam perkhidmatan kesihatan.

Etika Perawat

Perawat adalah seorang yang boleh membantu menyelaraskan keharmonian kehidupan dan kelestarian persekitaran kesihatan seseorang hamba Allah SWT dan merupakan orang tengah yang menerusinya Allah SWT mengizinkan kesembuhan atau sebaliknya dalam sesuatu rawatan.² Keyakinan kepada kuasa tuhan adalah penting agar para perawat dapat menggantungkan keyakinan dirinya dan pesakitnya bahawa kuasa penyembuhan adalah daripada Tuhan manakalaperawat sebagai manusia biasa yang hanya berusaha. Situasi ini menjadikan perawat dan pesakit semakin hampir dengan tuhan apabila penyembuhan, kematian, kejayaan dan kegagalan rawatan, komplikasi atau apa sahaja yang berlaku disandarkan kepada *qada'* dan *qadar* atau kehendak Pencipta manusia. Rentetan daripada syarat ini juga dapat menjadikan seseorang perawat merendah diri dan bukannya angkuh dengan kehebatan ilmu dan kebolehan yang dimilikinya.³

Dengan yang demikian seseorang perawat itu seharusnya bersikap rendah diri dengan meletakkan kejayaan usahanya kepada Allah SWT dan sentiasa mengingatkan dirinya dan pesakit bahawa kesembuhan itu adalah nikmat daripada Allah SWT dan sentiasa bersyukur di atas limpahan ilmu yang diberikan oleh Allah SWT terhadapnya. Seorang perawat yang menyedari hakikat kejayaan usahanya tidak akan sekali-kali membanggakan dirinya atau meletakkan kejayaan tersebut di atas keupayaan dirinya semata-mata sama ada menerusi percakapannya atau laporannya dalam apa jua media secara langsung ataupun tidak langsung.⁴

Perawat muslim seharusnya merupakan seorang yang beriman kepada Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT berikut :

(وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبِيبٌ إِلَيْكُمْ ۖ إِلِيمَانٌ وَرَبَّنَّهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمْ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ أُولَٰئِكَ هُمُ الرَّاشِدُونَ)

Maksudnya:

...dan Allah menjadikan iman suatu perkara yang kamu cintai serta diperhiaskannya dalam hati kamu... - (al-Hujurat: 7)

¹Kod etika tersebut adalah hasil persidangan antarabangsa perubatan Islam pertama pada Januari 1981 (Rabiul Awal 1401) di Kuwait dan dikenali sebagai Dokumen Kuwait. Lihat:

<http://members.tripod.com/PPIM/kodetika.htm>

² Dr. Munir Husayn Fawzi (1982M), *op.cit.*, h. 267.

³*Ibid.*

⁴*Ibid.*

(هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا إِيمَانًا مَعَ إِيمَانِهِمْ وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا)

Maksudnya:

(Tuhan yang membuka jalan kemenangan itu) Dialah yang menurunkan semangat tenang tenteram ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh) supaya mereka bertambah iman dan yakin beserta dengan iman dan keyakinan mereka yang sedia ada... - (al-Fath: 4).

Keimanan kepada Allah SWT akan menatijahkan sifat-sifat *mahmudah* seperti ketekunan dan beramanah dalam menunaikan tanggungjawab keperawatannya, mengetahui batas kemampuannya dengan berusaha dan bertawakkal, beramal dengan segala perintah Allah SWT, menjauhi segala laranganNya serta sentiasa berasa diawasi Allah SWT ketika bersendirian atau di hadapan khalayak ramai (*al-Ihsan*). Sabda Nabi SAW berkaitan sifat tekun atau bersungguh-sungguh dalam sesuatu pekerjaan:

" إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقَنَهُ " "

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah amat menyukai seseorang daripada kamu yang apabila melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan bersungguh-sungguh.*¹

Firman Allah SWT berkaitan tawakkal dan kesediaan manusia menerima amanah:

(إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا)

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan. – (al-‘Ahzab : 72).

Sabda Nabi SAW memberi peringatan bagi mereka yang tidak menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka seperti berikut:

¹Lihat : al-Haythami, °Ali bin Abu Bakr (1407H), *Majma° al-Zawa'id*, Kaherah : Dar al-Rayyan Li al-Turath, j.4, h.98 (Bab Nash al-Ajir wa Itqan al-°Amal); al-Tabrani (1415H), *op. cit.* , j.1, hlm.275 (no.897); 30.Abu Ya°la, Ahmad bin °Ali bin al-Muthanna al-Musili al-Tamimi (1984M), *Musnad Abi Ya°la* (sunt. Husayn Salim °Asad), Damsyik: Dar al-Ma°mun Li al-Turath, j.7, hlm.349 (no.4386).

"إِذَا ضُبِعَتِ الْأَمَانَةُ، فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ"، قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَيْفَ؟ أَوْ مَا إِصَاعَتُهَا؟ قَالَ: " إِذَا تَوَسَّدَ الْأَمْرَ غَيْرَ أَهْلِهِ، فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ "

Maksudnya:

*Apabila seseorang tidak menunaikan amanah maka tunggulah (pembalasan) pada hari akhirat. Sahabat bertanya, "Bagaimana dikatakan tidak menunaikan amanah?" Baginda SAW menjawab, "Apabila seseorang yang berkeahlian dalam sesuatu perkara mengabaikan perkara tersebut yang diamanahkan kepadanya, maka tunggulah (pembalasannya) pada hari akhirat."*¹

Seorang perawat sepatutnya adalah seorang berhikmah dan sentiasa menasihati pesakit dengan sesuatu yang menggembirakan mereka bukan mendukacitakan, berwajah manis bukan bermasam muka, lemah-lentut bukan pemaarah, penyayang bukan pembenci sehingga menimbulkan sifat dendam, bertoleransi, menganggap diri sebagai perantaraan kasih sayang, keadilan dan keampunan Allah SWT terhadap pesakit bukannya penghukum, menjaga rahsia dan keaiban pesakit bukan membongkarkannya kepada umum.²

Seorang perawat mestilah bersifat tenang dan tidak gelabah sekalipun dalam situasi cemas. Diriwatkan oleh Hizam bin Hisyam daripada bapanya Hisyam bin Habisy bin Khuwaylid dalam riwayat yang panjang yang mengisahkan ketakjuban Umm Ma'bad terhadap keelokan fizikal Rasulullah SAW dan ketenangan wajahnya dengan katanya:

"..رَأَيْتُ رَجُلًا ظَاهِرَ الْوَضَاءَةِ أَبْلَجَ الْوَجْهِ حَسَنَ الْخُلُقِ".

Maksudnya:

*Aku telah melihat seorang lelaki amat elok lagi bersih, memiliki wajah yang tenang, kelakuannya sangat baik...*³

¹Lihat: al-Bukhari (1987M), *op. cit.*, j.1, h.33 (Kitab al-‘Ilm, Bab Fadl al-‘Ilm, no.59, no. 6131); Ibn Hiban (1993M), *op. cit.*, j.1, h.307 (Dhikr al-Khabr al-Dal ‘Ala Ibahah ‘Ifa’ al-Mas’ul ‘An al-‘Ilm ‘An ‘Ijabah al-Sa’il ‘Ala al-Fawr, no.104).

Menurut al-Qurtubi, sebaik-baik akhlak ialah apabila ditimpa kesusahan hendaklah bersabar, apabila tidak mampu melakukan sesuatu perkara hendaklah berserah kepada Allah SWT. Lihat: al-Qurtubi, Abu ‘Abd al-Lah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr bin Farah (1372H), *Tafsir al-Qurtubi* (sunt. Ahmad cAbd al-cAlim al-Barduni), Kaherah: Dar al-Sya’b, j.10, h.250.

² Dr. Munir Husayn Fawzi (1982M), *al-‘Ulum al-Sulukiyyah Wa al-Insaniyyah Fi al-Tibb*, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Masriyyah, h. 267; Hisyam Ibrahim al-Khatib (1985M), *al-Wajiz Fi al-Tibb al-Islami*, Amman : Dar al-‘Arqam, h.41; al-Siba’i, Dr. Zahir Ahmad (1997M), al-Tabib Adabuh wa Fiqhuh, Damsyik: Dar al-Qalam, h.39-41.

³Lihat : al-Naysaburi, Abu‘Abdulah Muhammad bin ‘Abdullah al-Hakim (1990M), *al-Mustadrak ‘Ala al-Sahihayn* (Sunt. Mustafa‘Abd al-Qadir ‘Ata), Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j.3, h.10 (Kitab al-Hijrah, no.4274); Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad (1983M), *al-Mu’jam al-*

Pertuturan seseorang perawat seharusnya lembut dan menghiburkan, menjalankan tugas atas dasar kepercayaan dan penghormatan kepadanya. Beretika di hadapan pesakit tidak kira kaya, miskin, orang tua mahupun kanak-kanak, mempunyai pertimbangan dalam membuat keputusan dan merendah diri. Mengimani bahawa kehidupan ini adalah milik Allah SWT, ketaatan dan pencarian dalam hidup hanya kerana Allah SWT. Meyakini kematian adalah titik terakhir kehidupan dunia tetapi permulaan bagi kehidupan yang lain, kematian adalah benar dan penyudah segala yang hidup kecuali Allah SWT. Memahami bahawa seorang perawat umpama tentera dalam kehidupan yang berusaha dan bekerja untuk mengekalkan kesihatan sekadar apa yang dizinkan Allah SWT semata-mata.¹

Seorang perawat juga sepatutnya menjadi contoh teladan kepada orang ramai dalam penjagaan kesihatan diri dengan memberikan diri hak yang sepatutnya sebagaimana disebut dalam sabda Nabi SAW berikut:

" فَإِنَّ لِّجَسَدِكَ عَلَيْكَ حَقًّا "

Maksudnya:

*Sesungguhnya bagi tubuh badanmu ada haknya (yang menjadi tanggungjawabmu).*²

Seseorang jururawat tidak boleh bersekongkol dengan mana-mana doktormengeluarkan sebarang laporan atau keterangan palsu yang bercanggahan dengan hakikat sebenar penyakit seseorang pesakit atau membiarkan dirinya diperalatkan golongan tertentu untuk menganiayai seseorang pesakit. Mereka mestilah seorang yang benar dalam perkataan, laporan dan keterangan sehingga tidak menimbulkan konflik dengan kaum kerabat pesakit atau menyebabkan krisis kasih sayang atau menimbulkan kebencian dan ketakutan pesakit dengan penyaksian, laporan atau percakapan yang bercanggahan dengan hakikat sebenar seseorang pesakit.³

Kabir (sunt. Hamdi bin °Abd al-Majid al-Salafi), al-Mosul: Maktabah al-°Ulum wa al-Hikam, j.4, hlm.49 (Habisy bin Khalid al-Khaza°i, no. 3605).

¹Lihat: Dr. Munir Husayn Fawzi (1982M), *op. cit.*, h.267.

² Lihat: Al-Bukhari (1987M), *op. cit.*, j.2, hlm.697 (Kitab al-Sawm, Bab Haqq al-Jism Fi al-Sawm, no: 1874); Muslim (t.t.), *op. cit.*, j.2, hlm.813 (Kitab al-Siyam, Bab Sawm Yawm Wa Iftar Yawm, no: 1159); Ibn Hibban (1993M), *op. cit.*, j.2, hlm.19 (Kitab al-Birr wa al-°Ihsan, Dhikr al-Akhbar °amma Yajib °Ala al-Mar°i Min al-Qiyam Fi Ada° al-Fara°id, no: 316); Al-°Asbahani (1996M), *Op.Cit.*, j.3, h.236 (Bab Fadl Sawm Dawud AS); Al-Tirmidhi (t.t.), *op. cit.*, j.4, h.608 (Kitab al-Zuhd °An Rasul al-Lah Salla al-Lah °Alayh wa Sallam, Bab Ma Ja°a FiHifz al-Lisan, no: 2413); al-Husayni, Ibrahim bin Muhammad (1401H), *al-Bayan Wa al-Ta°rif* (sunt. Sayf al-Din al-Katib), Beirut: Dar al-Kitab al-°Arabi, j.1, h.31 (Ahabb al-Siyam °Ila al-Lah, no: 57).

³ Dr. Munir Husayn Fawzi (1982M), *op. cit.*, h. 267.

Malah seseorang perawat mestilah memberikan keterangan yang benar dalam pemeriksaannya lantaran berdusta dan memberi keterangan yang palsu adalah termasuk di dalam dosa-dosa besar sebagaimana sabda Nabi SAW yang berbunyi:

«أَلَا أَنْتُمْ بِأَكْبَرِ الْكِبَائِرِ» قُلْنَا: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: "الإِشْرَاكُ بِاللَّهِ، وَغُفُوقُ الْوَالِدَيْنِ..... أَلَا وَقَوْلُ الزُّورِ، وَشَهَادَةُ الزُّورِ.."

Maksudnya:

"Mahukah kamu semua aku beritahu tentang dosa-dosa besar?" Kami pun menjawab, "mahu ya Rasulullah!" Bagindapun bersabda "(Dosa-dosa tersebut ialah) mensyirikkan Allah, menderhaka terhadap ibubapa...bercakap dusta dan melakukan penyaksian dusta".¹

Bahkan seseorang perawat dalam melaksanakan tugasnya tidak dibenarkan melakukan sebarang penipuan atau membenarkan penggunaan namanya bagi tujuan mempromosi ubat-ubatan dan rawatan-rawatan alternatif tertentu bagi mengaut keuntungan dalam perniagaan dalam apa jua bentuk eksploitasi.²

Seseorang perawat tidak akan membebankan pesakit dengan sesuatu yang tidak disuruh Syarak dan tidak pula menghalang pesakit daripada melakukan sesuatu yang tidak menjadi tegahan Syarak. Untuk mampu berperanan sebagaimana di atas, seseorang perawat itu mestilah mempunyai asas pengetahuan ilmu fekah yang bersangkutan dengan hukum-hukum ibadah terutamanya hukum khusus kepada pesakit.³ Ini adalah kerana menjadi kelaziman pesakit bertanyakan perawat bagaimana teknik beribadah yang bersesuaian dengan tahap kesihatan mereka seperti kesan penyakit terhadap kesempurnaan ibadah sembahyang, keringanan (*al-Rukhsah*) terbuka puasa, penyakit dan kesannya terhadap kesempurnaan ibadah haji dan umrah dan hukum-hukum yang berkaitan dengan ibu mengandung dan ibu yang sedang menyusukan anak.

Seseorang perawat perlu mengetahui prinsip Syariat dalam mengharuskan sesuatu perkaradalam situasi *al-Darurah*, yang pada asalnya diharamkan berdasarkan kaedah '*al-Darurat Tubih al-Mahzurat*' misalnya, tidak akan sewenang-wenangnya mengubati pesakit dengan menggunakan ubatan atau teknik yang berisiko tinggi melainkan setelah beliau meyakini seseorang pesakit itu memang berada dalam situasi *al-Darurah* tersebut.⁴ Beliau sudah tentu memahami sejauhmana keharusan Syariat dalam prinsip tersebut dan mampu berjihad dalam

¹Lihat: Al-Bukhari (1987M), *op. cit.*, j.5, hlm. 2229 (Kitab al-'Adab, Bab 'Uquq al-Walidayn Min al-Kaba'ir, no: 5631); Al-Bayhaqi (1994M), *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*, *op. cit.*, j.10, hlm.121 (Kitab al-Nudhur, Bab Wa'z al-Qadi al-Syuhud).

² Dr. Munir Husayn Fawzi (1982M), *op. cit.*, hlm. 267.

³ Hisyam Ibrahim al-Khatib (1985M), *op. cit.*, hlm.42.

⁴ Ibid.

menentukan situasi pesakit, penggunaan ubat-ubatan dan teknik rawatan yang bersesuaian dalam sesuatu kes.

Syarat di atas mengandungi dua perkara iaitu Pertama: Kebolehan dalam pengetahuan asas agama dan kedua; kebolehan memberi bimbingan kaunseling berkaitan ibadah-ibadah khusus kepada pesakit. Walaupun ibadah adalah tanggungjawab individu namun dalam Islam ibadah juga menjadi tanggungjawab mereka yang diamanahkan Allah SWT menjaga kebajikan orang lain seperti tanggungjawab ibubapa terhadap ibadah anak-anak dan tanggungjawab suami terhadap ibadah isteri. Ini bermakna individu lain harus bahkan dalam situasi tertentu wajib campurtangan dalam urusan ibadah orang lain yang diamanahkan kepadanya menjaga kebajikan mereka.

Dalam konteks perkhidmatan kesihatan, pesakit adalah berada dibawah tanggungjawab perawat. Walaupun tanggungjawab utama dalam rawatan adalah pemeriksaan dan rawatan kesihatan manakala ibadah merupakan tanggungjawab pesakit sendiri namun kebolehan perawat memberikan nasihat berkaitan ibadah adalah sangat penting dalam memudahkan pesakit menunaikan tuntutan ibadah mereka dalam jangkamasa rawatan tanpa keliru atau berlaku kecuaiian sehingga mengabaikan tuntutan ibadah yang masih ada sekalipun dalam situasi sakit. Sementara bantuan jururawat dalam memudahkan pesakit menunaikan urusan ibadah mereka sepatutnya patut dijadikan suatu tanggungjawab dalam garispanduan yang berkaitan dengan mereka demi menjamin penghayatan ibadah dapat diaplikasikan semaksima bagi pesakit yang ingin berbuat demikian.

Maksud 'memudahkan urusan ibadah pesakit' ialah melalui khidmat nasihat perawat seperti boleh atau tidak menggunakan air untuk tujuan berwuduk, boleh atau tidak berpuasa bagi ibu mengandung atau dalam tempoh penyusuan bayi, boleh atau tidak membuka balutan dan sebagainya. Perawat boleh memudahkan pesakit menunaikan urusan ibadah mereka melalui khidmat cucian najis (darah, nanah, kencing dan berak) pada tubuh badan, penukaran pakaian dan cadar bersih dan pelarasan katil ke arah kiblat (sekiranya boleh) yang sememangnya telah menjadi rutin mereka. Sementara pelaksanaan ibadah pesakit masih merupakan tanggungjawab pesakit itu sendiri atau warisnya seperti urusan berwuduk, bertayammum dan menutup aurat ketika ingin bersolat.

Memberi khidmat kaunseling berkaitan ibadah-ibadah khusus kepada pesakit adalah sesuatu yang sangat penting dan kegagalan melakukannya boleh membebankan pesakit dengan urusan ibadah ganti (*Qada'*) bagi pesakit yang masih boleh atau wajib melakukan ibadah secara hukum asal (*'Azimah*) sepanjang tempoh sakit. Memahami dan menghayati ibadah khusus seperti sembahyang, puasa dan menunaikan haji terutamanya dalam keadaan sakit atau berpenyakit tentunya mempunyai implikasi hukum yang berbagai dan aplikasi teknikal yang berbeza dengan orang yang sihat. Situasi *Darurat* seperti kesakitan dan penyakit tertentu boleh melibatkan perubahan cara dan teknik beribadat.

Walaubagaimanapun bukan semua kesakitan dan penyakit boleh mengubah cara dan teknik ibadah-ibadah khusus. Hanya mereka yang benar-benar sakit dibenarkan melakukan cara dan teknik ibadah pilihan (*al-Rukhsah*) dan dalam situasi ini hanya para perawat yang memahami konsep ibadah-ibadah khusus ini dan dalam waktu yang sama memahami konsep kaedah fekah *al-Darurat* dan kadar *al-Darurat* yang dialami pesakit-pesakitnya mampu memberi khidmat nasihat yang praktikal berdasarkan situasi masing-masing.

Kesihatan pesakit adalah bergantung kepada sejauhmana pengetahuan perawat dan kemampuannya dalam menentukan ubatan atau rawatan bersesuaian manakala keberkatan rawatan pula bergantung sejauhmana konsep *al-Darurah* diaplikasikan sejajar dengan tuntutan Syariat. Usaha menambah pengetahuan adalah ibadah. Melaksanakan atau mempraktikkan pula ilmu tersebut adalah ibadahberasingan dalam Islam. Manakala memastikan prinsip Syariat terlaksana semaksimanya dalam perkhidmatan adalah jihad yang paling besar dalam dunia perubatan. Peningkatan ilmu yang berlandaskan ajaran dan petunjuk dalam al-Quran adalah jaminan kepada peningkatan iman, ketaqwaan dan darjat di sisi Allah SWT sebagaimana firmanNya:

"وَمِنَ النَّاسِ وَالْذَّوَابِ وَالْأَنْعَامِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ"

Maksudnya:

...sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu. - (Fatir : 28) .

Meneliti garis panduan-garis panduan berkaitan etika perawat di atas dapatlah disimpulkan kepada beberapa bahagian atau syarat. Pertama; seorang perawat itu mestilah mempunyai akidah yang mantap. Kedua; memahami konsep beribadat dan konsep *al-Darurat* serta boleh memberi bimbingan tentang konsep-konsep tersebut beserta teknik ibadah khusus berkaitan dengan pesakit. Ketiga; beretika dan berakhlak mulia. Keempat; mempunyai perawakan yang menyenangkan pelanggan seperti mimik muka yang manis, kekemasan dalam berpakaian dan mementingkan kebersihan. Kelima; sentiasa melakukan penambahbaikan dalam ilmu dan kerjaya. Keenam; benar dalam penyediaan laporan dan ketujuh; tidak menggunakan jawatannya untuk mengeksploitasi atau membiarkan dirinya dieksploitasi untuk tujuan keuntungan.

Etika Sesama Perawat

Dalam Islam, seseorang perawat adalah bersahabat dengan semua perawat dalam menjalankan visi, misi dan objektif profesion yang dipandang mulia di mata masyarakat dan Syariat. Mereka saling bekerjasama dan saling melengkapi antara satu sama lain dalam perkhidmatan kesihatan menerusi pengkhususan mereka

dalam pelbagai bidang.¹ Semua manusia diperintahkan agar saling bekerjasama dalam urusan kebaikan tidak kira dalam apa bidang sekalipun dan ditegah daripada memberi bantuan atau pertolongan dalam hal ehwal yang berkaitan dengan dosa dan maksiat. Konsep kerjasama dapat difahami dalam ayat berikut:

(وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ)

Maksudnya:

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. – (Al-Ma'idah: 2).

Oleh yang demikian, para perawat tidak boleh merendah-rendahkan kebolehan atau mempamerkan kelemahan perawatlain di hadapannya dan sentiasa memelihara nama baik dan maruah rakannya semasa ketiadaannya. Sentiasa menghulurkan bantuan apabila diperlukan oleh rakan setugas sama ada dalam bentuk nasihat, bimbingan, tunjuk ajar, perbincangan dan lain-lain. Tidak memburuk-burukkan rakannya dan tidak melakukan sesuatu yang tidak disukainya kecuali terpaksa berbuat demikian dengan tujuan mendedahkan kebatilan yang disembunyikan atau menegakkan keadilan seperti memberi keterangan bagi pihak pesakit yang dianiayai.²

Para perawat hendaklah saling bahu membahu antara satu sama lain demi kepentingan pesakit bukannya saling tuduh menuduh dalam sesuatu kes kecuaiian atau saling menjatuhkan reputasi sesama mereka. Sekiranya terdapat percanggahan pendapat antara para perawat terhadap penyakit seseorang pesakit, kes tersebut mestilah diselesaikan atas dasar kasih sayang atau profesional. Sekiranya kes tersebut tidak menemui jalan penyelesaian maka ia hendaklah dirujuk kepada pihak pengurusan atasan dan diselesaikan secara profesional.³

Adalah menjadi kewajipan perawat pakar atau perawat senior menyampaikan hasil penemuan ilmiah, pengalaman dan penyelidikannya kepada sahabatnya daripada kalangan perawat junior agar pengetahuan tersebut dapat dimanfaatkan oleh mereka. Mendapatkan pengetahuan dan maklumat secukupnya merupakan hak pesakit dan hak rakan sekerja yang masih baru. Sabda Nabi SAW tentang mereka yang menyembunyikan ilmu seperti berikut:

¹Dalam perkhidmatan kesihatan, para perawatterbahagi kepada beberapa operasi dan sektor. Sebahagian perawat bertanggungjawab dalam hal ehwal pencegahan penyakit manakala sebahagian yang pula bertanggungjawab dalam rawatan. Sebahagian berkhidmat dengan institusi kesihatan kerajaan dan sebahagian yang lain pula berkhidmat dengan institusi kesihatan swasta sebagai memenuhi permintaan berdasarkan kemampuan orang ramai. Hisyam Ibrahim al-Khatib (1985M), *op. cit.*, h.42.

² Ibid.

³ Dr. Munir Husayn Fawzi (1982M), *op. cit.*, h. 268.

«إِذَا لَعَنَتْ آخِرُ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَوْلَهَا، فَمَنْ كَانَ عِنْدَهُ عِلْمٌ فَلْيُظْهِرْهُ، فَإِنَّ كَاتِمَ الْعِلْمِ كَكَاتِمِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ»

Maksudnya:

Apabila umat terkemudian melaknat umat terdahulu (kerana menyembunyikan ilmu), sesiapa yang memiliki sesuatu ilmu hendaklah dia menyampaikannya. Sesungguhnya orang yang menyembunyikan ilmu pada hari tersebut (akhirat) adalah seperti orang yang menyembunyikan ilmu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (SAW).¹

Konsep kerjasama antara para petugas kesihatan seperti sesama doktor² dan sesama jururawat³ dalam perkhidmatan adalah berkonsepkan persaudaraan atau persahabatan di mana sikap saling tolong-menolong, bantu-membantu, tidak boleh merendah-rendahkan kebolehan atau mempamerkan kelemahan perawat lain.

Etika Perawat Dengan Pesakit

Dalam perkhidmatan kesihatan Islam, pesakit adalah pelanggan yang menerima perkhidmatan kesihatan manakala perawat adalah pemberi perkhidmatan. Menerusi perkhidmatan kesihatan, kesembuhan merupakan tujuan perkhidmatan manakala ubatan dan rawatan hanyalah usaha semata-mata. Hubungan antara perawat dan pesakit merupakan sesuatu yang penting lantaran akhlak para perawat terhadap pesakit merupakan cerminan kepada perkhidmatan kesihatan itu sendiri. Dalam konteks ini, pesakit adalah ‘tuan’ manakala perawat adalah pemberi khidmat. Maka para pesakit itu selayaknya diberi perkhidmatan atas kondisi penyakitnya bukan atas dasar pangkat, darjat, keturunan atau status sosialnya.

¹Lihat: Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad (1415H), *Mu‘jam al-‘Awsat* (sunt. Tariq bin ‘Iwad al-Lah), Kaheerah: Dar al-Haramayn, j.1, h.137 (Bab al-‘Alif Man Ismuh Ahmad, no: 430); al-Syaybani, ‘Amru bin Abi‘Asim al-Dahhak (1400H), *al-Sunnah Li Ibn Abi‘Asim* (sunt. Muhammad Nasir al-Din al-‘Albani), Beirut : al-Maktab al-Islami, j.2, hlm.481 (Bab Fi Dhikr al-Rafidah ‘adhallahum al-Lah, no:994); al-Dani, Abu‘Amru‘Uthman bin Sa‘id al-Muqri’ (1416H), *al-Sunan al-Waridah Fi ak-Fitan* (sunt. Dr. Da’ al-Lah bin Muhammad Idris al-Mubarakfuri), Riyadh Dar al-‘Asimah, j.3, h.626 (Bab Ma Ja’a FiZuhur al-Bid’ wa al-Ahwa’ wa Ihya’iha wa ‘Imatah al-Sunan, no: 287).

²Dalam Duties Of Doctors, konsep kerjasama antara petugas perubatan ini diletakkan di bawah tajuk ‘*The Doctor As A Team Player*’ di mana kesemua tuntutan seperti di atas terkandung di dalamnya. Dalam DOD yang bertindak sebagai garispaduan khas kepada perawat telah menekankan agar para perawat mempunyai hubungan yang baik dan harmoni sama ada sesama mereka, Antara mereka dengan perawat-perawat pelatih, antara mereka dengan perawat atau dengan kakitangan sokongan tanpa mengira kepercayaan, budaya, gaya hidup, warna kulit, jantina atau umur. Lihat: *Duties of Doctors*, h.16.

³ Dalam Code Of Pofessional Conduct For Nurses, pernyataan berkaitan kerjasama antara perawat dan petugas perubatan disebut secara umum dalam kenyataan berikut: “*The nurse works collaboratively and co-operatively with other members of the health care team. She does not hesitate to consult appropriate professional colleagues when needed*”. Lihat: *Code Of Pofessional Conduct For Nurses*, *ibid.*, perkara 1.5

Seharusnya seseorang perawat itu melayani pesakitnya dengan perasaan kasihan, toleransi dan berlapang dada serta meraikan kaum keluarga dan sahabat handai yang turut sama bersimpati dengan pesakit dengan melayani pertanyaan dan meredakan rasa resah yang turut dikongsi oleh mereka tetapi masih berpegang dengan etika kerahsiaan profesionalnya. Para ulamak menggariskan sifat menjaga kerahsiaan (*Kitman al-Sirr*) sebagai salah satu sifat mulia yang perlu ada dalam peribadi muslim.¹ Abu Yusuf Ya'qub bin Sulayman al-'Asfarayni al-Syafi'i meletakkan *Kitman al-Sirr* sebagai salah satu daripada lapan sifat kemuliaan bagi manusia.²

Seseorang perawat bukan sahaja dituntut melakukan kebajikan, kesaksamaan, toleransi dan kesabaran hanya terhadap pesakit bahkan sifat-sifat tersebut hendaklah cukup luas sehingga merangkumi waris, kawan dan orang-orang yang mengambil berat tentang seseorang pesakit tetapi dalam masa yang sama seseorang perawat masih perlu berpegang teguh dengan prinsip "kerahsiaan profesional" sehingga tidak membocorkannya kepada mereka yang tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan pesakit.³

Rezeki yang diperolehi oleh para perawat melalui bayaran perkhidmatan (perawat swasta) atau gaji (perawat kerajaan) adalah halal⁴ dan merupakan haknya lantaran kerjanya adalah suatu amanah dan diawasi oleh Allah SWT. Dalam garis panduan etika keperawatan Islam, para perawat wajib menyucikan pendapatan tersebut dengan cara berzakat apabila cukup tempoh dan syarat. Menurut fuqaha',⁵ ada beberapa perkara yang perlu didahulukan dalam konteks hubungan perawat dan pesakit ini. Perawat yang sama jantina adalah wajib didahulukan sekalipun berlainan agama sebelum terdesak menggunakan khidmat daripada perawat berlainan jantina. Hubungan seagama perlu didahulukan sekiranya terdapat dua perawat yang sama jantina. Hadis-hadis berikut menunjukkan keharusan menerima rawatan daripada perawat berlainan jantina. Dirikan bahawa Umm 'Atiyyah pernah berkata:

¹Lihat: al-'Asbahani, 'Abu Na'ım Ahmad bin 'Abd al-Lah (1405H), *Hulliyah al-'Awliya'*, Beirut : Dar al-Kitab al-'Arabi, c.4, j.10, h.203; Al-Manawi (1356H), *op.cit.*, j.2, hlm.32; Ibn Hajar al-'Asqalani (1379H), *op. cit.*, j.9, h.177; Al-Dhahabi, 'Abu'Abd al-Lah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman bin Qaymaz (1413H), *Siyar 'A'lam al-Nubala'* (Sunt. Syu'ayb al-'Arna'ut) Beirut : Mu'assasah al-Risalah, c.9, j.4, h.93.

²Lihat: Al-Qastantini, Mustafa bin 'Abd al-Lah al-Rumi al-Hanafi (1992M), *Kasyf al-Zunun*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.2, h.1608.

³Dr. Munir Husayn Fawzi (1982M), *op.cit.*

⁴Menurut Ibn Qudamah harus bagi seseorang mengupah perawat untuk merawatnya. Lihat: Ibn Qudamah, al-Syaykh al-Imam al-'Allamah (1996M), *al-Mughni* (sunt. Dr. Muhammad Syaraf al-Din Khattab dll), Kaheerah: Dar al-Hadith, j.7, h.475.

⁵al-Husayni, Taqiy al-Din Abu Bakr (1937M), *Kifayat al-Akhyar Fi Hill Ghayat al-Ikhtisar*, Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, Ed.2, j.2, hlm.157; al-Khatib al-Syarbini, Muhammad (1940M), *al-'Iqna' Fi Alfaz 'Abi Syuja'*, Mesir : Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, j.3, h. 173; al-Ramli, Syams al-Din Muhammad bin 'Abi'Abbas Ahmad bin Hamzah bin Syihab al-Din (1993M), *Nihayat al-Muhtaj 'Ila Syarh al-Minhaj*, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.6, hlm.195.

«عَزَّوْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، سَبَعُ عَزَّوَاتٍ أَدَاوِي الْجَرِيحِ - أَوْ الْجَرَحَى -، وَأَصْنَعُ لَهُمُ الطَّعَامَ، وَأُخْلِفُهُمْ فِي رَحَالِهِمْ»

Maksudnya:

Aku telah pergi berperang bersama-sama Nabi SAW dalam beberapa peperangan, aku merawat mereka yang tercedera, aku sediakan kepada mereka makanan dan aku turuti perjalanan mereka.¹

Diriwayatkan daripada ‘Anas, katanya:

«كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْزُو بِأُمَّ سَلِيمٍ وَنِسْوَةٍ مِنَ الْأَنْصَارِ مَعَهُ إِذَا غَزَا، فَيَسْقِيَنَ الْمَاءَ، وَيُدَاوِينَ الْجَرَحَى»

Maksudnya:

Rasulullah SAW keluar berperang dan bersamanya Umm Sulaym dan wanita-wanita ‘Ansar, ketika berperang mereka itu memberi minum dan merawat tentera yang tercedera.²

Menurut al-Baghdadi, hadis-hadis di atas menunjukkan keharusan memberi perkhidmatan rawatan terhadap mereka yang berlainan jantina ketika sakit dan keharusan melihat aurat pesakit yang sakit untuk tujuan rawatan.³ Sementara perawat daripada kalangan kafir *Dhimmi* perlu didahulukan daripada perawat daripada kalangan kafir *Harbi*. Dalam konteks berubat dengan orang bukan Islam, diriwayatkan bahawa Nabi SAW pernah menyuruh al-Harith bin Kaldah iaitu saudara kepada Thaqif mengubati Sa‘ad yang kesakitan sedangkan ketika itu al-Harith masih belum memeluk Islam. Riwayat daripada Sa‘ad tersebut berbunyi:

"مَرَضْتُ مَرَضًا أَتَانِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغُونِي فَوَضَعَ يَدَهُ بَيْنَ تَدْيِي حَتَّى وَجَدْتُ بَرْدَهَا عَلَى فَوَادِي فَقَالَ: «إِنَّكَ رَجُلٌ مَفْتُودٌ، أَتَيْتَ الْحَارِثَ بْنَ كَلْدَةَ أَخَا ثَقِيفٍ فَأَيْدِيهِ رَجُلٌ يَتَطَبَّبُ...»"

Maksudnya:

Aku telah ditimpa dengan suatu penyakit. Maka Rasulullah SAW telah datang kepadaku untuk tujuan berziarah. Baginda kemudiannya meletakkan tangannya di atas dadaku sehingga aku terasa kesejukan tangannya di atas hatiku. Lantas Baginda

¹Lihat: al-Darimi, ‘Abu Muhammad ‘Abd al-Lah bin ‘Abd al-Rahman (1407H), *Sunan al-Darimi* (sunt. Fawwaz Ahmad Zamrali), Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, j.2, h.276 (Bab Fi al-Nisa’ Yaghzawn Ma‘a al-Rijal, no.2422).

²Lihat: al-Marwazi, ‘Abu ‘Abd al-Lah Muhammad bin Nasr bin al-Hajjaj (1408H), *al-Sunnah li al-Marwazi* (sunt. Salim Ahmad al-Salafi), Beirut: Mu’assasah al-Kutub al-Thaqafiyah, j.1, lhm.48 (no.151).

³Lihat: al-Baghdadi, (1986M), *op. cit.*, hlm.193.

bersabda: “Kamu berpenyakit hati, panggillah al-Harith bin Kaldah saudara kepada Thaqif. Sesungguhnya dia seorang lelaki yang pandai mengubat...”¹

Hadis ini adalah dalil yang jelas bahawa hukum berubat dengan orang bukan Islam adalah harus. Hadis ini juga menunjukkan penghargaan dan penghormatan Nabi SAW terhadap profesion perubatan kerana mengiktiraf kebolehan berubat seseorang dengan memberi laluan kepadanya melakukan tugas pengubatan sekalipun beliau tidak beragama Islam. Walaubagaimanapun terdapat beberapa isu berkaitan perawat bukan Islam. Pertama ialah mengenai ubat-ubatan yang dipreskripsi oleh perawat bukan Islam. Terdapat pandangan ulamak yang menghukumkan makruh makan atau minum ubat yang disediakan oleh perawat bukan muslim² dengan alasan dibimbangi ubat tersebut bercampur dengan bahan-bahan yang diharamkan seperti najis.

Kerahsiaan Dalam Perubatan

Merahsiakan keaiban dan keburukan manusia adalah wajib lebih-lebih lagi oleh para perawat lantaran keaiban pesakit berada dalam pengetahuan mereka. Pendedahan kondisi atau maklumat penyakit seseorang pesakit kepada orang lain mungkin mengaibkan pesakit atau memburukkan lagi kondisi pesakit tersebut. Dalam situasi-situasi yang disebutkan di atas adalah wajib bagi para perawat memelihara atau merahsiakan maklumat penyakit seseorang pesakit daripada terdedah kepada umum demi menjaga maruah pesakit atau menenangkan diri pesakit.³ Diri dan maklumat pesakit adalah amanah maka memelihara amanah

¹Lihat: Abu Dawud, Sulayman bin al-‘Asy^cath al-Sijistani al-‘Azdi (t.t.), *Sunan Abi Dawud* (sunt. Muhammad Mahy al-Din ‘Abd al-Hamid), t.t.p.: Dar al-Fikr., j.4, hlm.7 (Kitab Rah, Bab Fi Tamrah al-‘Ajwah, no: 3875); Al-Haythami, (1407H), *Majma‘ al-Zawa‘id*, *op. cit.*, j.5, hlm.88 (Kitab Rah, Bab Dawa’ al-Fu‘ad bi Alban al-‘Ibil wa Ghayr Dhalik); Al-Tabrani (1983M), *al-Mu‘jam al-Kabir*, *op. cit.*, j.6, hlm.50 (Bab Sa‘ad bin Abi Rafi^c, no: 5479); al-Muqaddasi (1410H), *op. cit.*, j.3, hlm.243 (Bab Mujahid bin Jabir Abu al-Hajjaj ‘An Sa‘ad Radiy al-Lah ‘Anhu, no: 1050).

²al-Baghdadi (1986M), *op. cit.*, h.184. Dalam konteks masakini, tugas perawat dalam mana-mana negara sekalipun hanyalah memeriksa, merawat dan mempreskripsi ubat kepada pesakit. Pembuatan ubat-ubatan disediakan oleh syarikat pembuatan ubat-ubat tertentu dan tugas pembelian ubat-ubatan tersebut dilakukan oleh bahagian farmasi atas nasihat perawat yang berkaitan dengan sesuatu penyakit yang memerlukan ubat tersebut. Setiap ubat perlu disenaraikan kandungannya seperti jenis bahan, kuantiti dan kesan sampingan daripada pengambilan ubat tersebut dan ianya perlu mendapatkan kelulusan KKM untuk dipasarkan. Apabila pengilangan, pembungkusan, pelabelan dan kelulusan sesuatu ubatan itu berlaku secara sistematik dan terkawal, keseimbangan kandungan ramuan ubatan yang menjadi ‘illah kepada hukum makruh makan atau minum ubatan yang disediakan oleh orang bukan Islam seperti di atas adalah tidak lagi berasas. Maka hukum mengambil ubat yang disediakan oleh orang bukan Islam dan hukum makan atau minum ubatan yang dipreskripsikan oleh perawat bukan Islam adalah harus lantaran ‘illah yang menjadikannya makruh telah tiada.

³Dalam Akta Perubatan Mesir, seseorang perawat atau pakar bedah atau pegawai farmasi atau perawat yang telah diamanahkan menyimpan maklumat kesihatan pesakit sekiranya membocorkan maklumat tersebut bukan dalam situasi yang dibenarkan oleh perundangan untuk beliau berbuat demikian maka perbuatan tersebut dianggap suatu kesalahan yang boleh membawa hukuman penjara atau denda. Dr. Munir Husayn Fawzi (1982M), *op. cit.*, h. 270.

adalah wajib dan mengkhianati amanah tersebut adalah sifat orang-orang munafik sebagaimana sabda Nabi SAW:

" آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ "

Maksudnya:

*Tanda-tanda orang munafik ada tiga iaitu ; apabila dia bercakap dia berbohong, apabila dia berjanji dia mungkiri dan apabila dia diberi amanah dia khianat.*¹

Maksud “Maklumat kesihatan pesakit” ialah segala apa yang dilihat atau didengar mengenai keputusan yang diperolehi daripada diagnosis pesakit sepanjang pemeriksaan dan rawatan seseorang pesakit oleh seseorang perawat. Maka wajib ke atas perawat tersebut merahsiakan maklumat tersebut daripada pengetahuan orang lain. Beliau dianggap telah membocorkan rahsia pesakit sekalipun dengan hanya mengeluarkan kenyataan bahawa seseorang pesakit itu mempunyai penyakit. Menyebarkan atau membocorkan maklumat kesihatan pesakit pula ialah memberitahu orang lain yang tidak mempunyai sebarang kepentingan mengenai maklumat kesihatan seseorang pesakit dengan apa cara sekalipun seperti melalui penulisan, lisan atau dengan hanya memberi isyarat.² Walaubagaimanapun demi kebaikan pesakit rahsia tersebut boleh didedahkan dalam situasi-situasi tertentu kerana *al-Darurah*³ atau *al-Hajah*.⁴

¹Lihat: Al-Bukhari (1987M), *op. cit.*, j.1, hlm.21 (Kitab al-‘Iman, Bab ‘Alamah al-Munafiq, no: 33); Al-Tirmidhi (t.t.), *op. cit.*, j.5, hlm.19 (Kitab al-‘Iman ‘An Rasul al-Lah SAW, no: 2631); Ibn Hibban (1993M), *op. cit.*, j.1, hlm. 489 (Bab Ma Ja’a Fi al-Syrk wa al-Munafiq, no: 255); Al-‘Asbahani (1996M), *Op.Cit.*, j.1, h.147 (Kitab al-‘Iman, Bab Arba‘ Man Kunna Fih Kana Munafiqan Khalisan, no: 207); Al-Nasa’i (1986M), *Sunan al-Nasa’i* (al-Mujtaba), *op. cit.*, j.8, h.117 (Kitab al-‘Iman wa Syara’ih, Bab ‘Alamah al-Munafiq, no:5022); Ibn Abi Syaybah, Abu Bakr ‘Abd al-Lah bin Muhammad al-Kufi (1409H), *Musannaf Ibn Abi Syaybah* (sunt. Kamal Yusuf al-Hut), Riyadh: Maktab al-Rusyd, j.5, h.237 (Kitab al-‘Adab, Bab Ma Dhikr ‘Alamah al-Munafiq, no: 25611); Ibn Rahawayh, Ishaq bin Ibrahim bin Mukhlad al-Hanzali (1991M), *Musnad Ishaq bin Rahawayh* (sunt. Dr. ‘Abd al-Ghafur bin ‘Abd al-Haqq al-Balusi), Madinah Munawwarah: Maktabah al-‘Iman, j.1, hlm. 371 (Ma Yarwi‘An ‘Ata’ bin Abi Muslim ‘An Abi Hurayrah ‘An al-Nabiyy SAW, no: 383).

² Lihat : Munir Husayn Fawzi (1982M), *Op.Cit.*, h. 271.

³Sekiranya penyakit tersebut adalah penyakit yang boleh menggugat keselamatan awam. Sebagai contoh, seseorang perawat mengetahui bahawa seorang pesakit mengidap penyakit berjangkit seperti sifilis yang belum sembuh sepenuhnya daripada penyakitnya sedang berenang di dalam kolam renang awam yang di dalam terdapat ramai perenang lain atau pesakit tersebut berkongsi tuala dengan orang lain. Contoh lain, seorang juruterbang atau pemandu lokomotif yang berpenyakit epilepsi yang mungkin membahayakan penumpang sekiranya penyakit tersebut menyerang ketika bertugas. Maka dalam konteks ini, seseorang perawat boleh mendedahkan maklumat penyakit tersebut kepada orang yang bertanggungjawab ke atas kemudahan awam atau majikan kepada pesakit-pesakit tersebut dengan tujuan menghalang mereka menggunakan kemudahan awam atau menjalankan tugas-tugas mereka demi keselamatan awam. Lihat : Hisyam Ibrahim al-Khatib (1985M), *Op.Cit.*, h.51-52.

⁴Sekiranya terdapat besar kemungkinan penyakit tersebut boleh menjangkiti individu ketiga yang tidak berdosa. Sebagai contoh, pengidap penyakit AID’S yang diperolehi melalui seks bebas atau perkongsian jarum suntikan sedang bertunang dan akan melangsungkan perkahwinan sedangkan bakal isteri tidak mengetahui bahawa bakal suaminya adalah pengidap penyakit tersebut. Dalam situasi ini wajib bagi perawat yang mengetahui latarbelakang kesihatan pesakit tersebut mendedahkan

Matlamat utama prinsip kerahsiaan dalam hubungan perawat pesakit ini adalah untuk memelihara atau mengekalkan maruah, kehormatan dan kemuliaan diri pesakit. Rahsia seseorang adalah hak peribadi seseorang dalam menentukan siapakah yang berhak untuk dikongsi atau sebaliknya. Walaubagaimanapun dalam keadaan tertentu, hak peribadi pesakit boleh dikesampingkan apabila ada *masalah* lain yang perlu diraikan seperti permohonan maklumat perubatan pesakit oleh badan perundangan untuk tujuan tertentu yang dibolehkan undang-undang. Dalam kajian perubatan, perawat mestilah sedaya mungkin menyembunyikan maklumat pesakit yang terlibat dalam kajian demi kepentingan pesakit secara peribadi.

Perkara kedua yang juga termasuk dalam prinsip kerahsiaan pada hemat penulis ialah tidak mendedahkan aurat pesakit daripada pandangan orang ramai semasa sesi pemeriksaan dan rawatan dilakukan. Penggunaan tabir atau pembedang dalam sesi rawatan adalah sangat perlu demi menjaga aurat yang merupakan ruang anggota yang perlu dirahsiakan. Menutup aurat adalah perkara wajib dalam Islam dan ianya hanya dibenarkan buka hanyalah dalam situasi perlu (*al-Darurah atau al-Hajah*) sahaja. Perawat atau perawat hanya dibenarkan melihat atau menyentuh hanya pada bahagian aurat yang memerlukan pemeriksaan atau rawatan sahaja.

Sementara orang lain di sekeliling pesakit yang tidak mempunyai sebarang keperluan atau kepentingan berbuat demikian masih kekal hukum haram melihat dan pesakit juga haram memperlihatkannya kepada mereka. Oleh kerana itu kesedaran hukum melihat aurat pesakit dan kewajipan menjauhi pendedahan aurat pesakit daripada pandangan awam adalah satu tanggungjawab yang perlu dilakukan dengan penuh kesedaran sebagai tuntutan agama yang tidak boleh dipandang sambil lewa.

Pendedahan aurat berlaku dalam dua keadaan. Pertama; pendedahan secara langsung kepada pandangan orang lain yang tidak menjalankan tugas pemeriksaan atau rawatan ke atas pesakit tersebut sekalipun mereka itu adalah kakitangan hospital. Kedua; pendedahan secara tidak langsung melalui fotografi yang diambil untuk tujuan tertentu. Mengambil gambar pada bahagian aurat pesakit yang berpenyakit dibenarkan atas dasar keperluan (*al-Darurah atau al-Hajah*) seperti untuk tujuan penyelidikan perubatan atau pendidikan perubatan kepada pelajar perubatan mahupun orang ramai.

Penggunaan visual keadaan anggota yang sakit atau berpenyakit kepada pelajar perubatan dan orang ramai boleh meningkatkan kesedaran, kefahaman dan pengetahuan mereka terhadap kondisi sesuatu penyakit seperti kondisi barah pada payudara, rahim, prostat, servik dan lain-lain. Walaubagaimanapun pendedahan

maklumat penyakit merbahaya tersebut hanya kepada bakal isteri pesakit demi keselamatan diri dan zuriatnya.

Lihat: Hisyam Ibrahim al-Khatib (1985M), *op. cit.*, h.51-52.

tersebut mestilah untuk tujuan yang tersebut di atas sahaja dan dalam pada masa yang sama kerahsiaan mengenai identiti pesakit mestilah dijaga sebaik mungkin demi menjaga maruah dan kemuliaan diri mereka. Visual tersebut mestilah fokus kepada bahagian aurat yang berpenyakit sahaja tanpa menampakkan susuk tubuh, wajah dan anggota-anggota aurat lain.

Penutup

Islam adalah agama yang mengajar cara hidup (*The Way Of Life*). Tiada suatu perkara pun dalam kehidupan yang tidak mempunyai penunjuk atau tatacara dalam sekalipun dalam perkara yang ringkas seperti bersugi. Begitu juga tatacara dan peraturan dalam perkara-perkara yang penting dan utama terutama perkara-perkara yang melibatkan hak asasi peribadi orang lain sekalipun dalam situasi yang mendesak. Semua orang beriman perlu merujuk kepada syariat dalam semua kerja buat mereka kerana ia adalah tanggungjawab yang akan dipersoalkan di Akhirat kelak.

Bibliografi

'Abu 'Abd al-Lah Muhammad bin Salamah bin Ja'far (1986M), *Musnad al-Syihab* (Sunt. Hamdi bin 'Abd al-Majid al-Salafi), Beirut : Mu'assasah al-Risalah.

Abu Dawud, Sulayman bin al-'Asy'ath al-Sijistani al-'Azdi (t.t.), *Sunan Abi Dawud* (Sunt. Muhammad Mahy al-Din 'Abd al-Hamid), t.t.p.: Dar al-Fikr.

Abu Ya'la, Ahmad bin 'Ali bin al-Muthanna al-Musili al-Tamimi (1984M), *Musnad Abi Ya'la* (Sunt. Husayn Salim 'Asad), Damsyik: Dar al-Ma'mun Li al-Turath.

al-'Asbahani, 'Abu Na'im Ahmad bin 'Abd al-Lah (1405H), *Hulliyah al-'Awliya'*, Beirut : Dar al-Kitab al-'Arabi.

al-Baghdadi, Muwaffiq al-Din 'Abd al-Latif (1986M), *al-Tibb Min al-Kitab Wa al-Sunnah* (Sunt. Dr. 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji), Beirut : Dar al-Ma'rifah.

Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali bin Musa (1994M), *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra* (Sunt. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata), Mekah : Maktabah Dar al-Baz.

al-Dani, Abu 'Amru 'Uthman bin Sa'id al-Muqri' (1416H), *al-Sunan al-Waridah Fi al-Fitan* (Sunt. Dr. Da' al-Lah bin Muhammad Idris al-Mubarakfuri), Riyadh : Dar al-'Asimah.

al-Darimi, 'Abu Muhammad 'Abd al-Lah bin 'Abd al-Rahman (1407H), *Sunan al-Darimi* (Sunt. Fawwaz Ahmad Zamrali), Beirut : Dar al-Kitab al-'Arabi.

Al-Dhahabi, 'Abu 'Abd al-Lah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman bin Qaymaz (1413H), *Siyar 'A'lam al-Nubala'* (Sunt. Syu'ayb al-'Arna'ut) Beirut : Mu'assasah al-Risalah.

al-Haythami, 'Ali bin Abu Bakr (1407H), *Majma' al-Zawa'id*, Kaherah : Dar al-Rayyan Li al-Turath.

al-Husayni, Ibrahim bin Muhammad (1401H), *al-Bayan Wa al-Ta'rif* (Sunt. Sayf al-Din al-Katib), Beirut : Dar al-Kitab al-'Arabi.

al-Husayni, Taqiy al-Din Abu Bakr (1937M), *Kifayat al-Akhyar Fi Hill* Ghayat al-Ikhtisar, Mesir : Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.

al-Khatib al-Syarbini, Muhammad (1940M), *al-'Iqna' Fi Alfaz 'Abi Syuja'*, Mesir : Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.

al-Marwazi, ‘Abu °Abd al-Lah Muhammad bin Nasr bin al-Hajjaj (1408H), *al-Sunnah li al-Marwazi* (Sunt. Salim Ahmad al-Salafi), Beirut : Mu’assasah al-Kutub al-Thaqafiyah.

Al-Munazzamah al-°Arabiyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-°Ulum (1989M), *al-Mu°jam al-°Arabiy al-Asasiy*, t.t.p.: Larouse.

al-Naysaburi, Abu °Abdulah Muhammad bin °Abdullah al-Hakim (1990M), *al-Mustadrak °Ala al-Sahihayn* (Sunt. Mustafa °Abd al-Qadir °Ata), Beirut : Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.

Al-Qastantini, Mustafa bin °Abd al-Lah al-Rumi al-Hanafii (1992M), *Kasyf al-Zunun*, Beirut : Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.

al-Qurtubi, Abu °Abd al-Lah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr bin Farah (1372H), *Tafsir al-Qurtubi* (Sunt. Ahmad °Abd al-°Alim al-Barduni), Kaherah: Dar al-Sya°b.

al-Ramli, Syams al-Din Muhammad bin ‘Abi °Abbas Ahmad bin Hamzah bin Syihab al-Din (1993M), *Nihayat al-Muhtaj ‘Ila Syarh al-Minhaj*, Beirut : Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.

al-Siba°i, Dr. Zahir Ahmad (1997M), *al-Tabib Adabuh wa Fiqhuh*, Damsyik: Dar al-Qalam.

al-Suyuti, °Abd al-Ghani dan Fakhr al-Hasan al-Dahlawi (t.t.), *Syarh Sunan Ibn Majah*, Karatasyi : Qadimi Kutub Khanah.

al-Syaybani, °Amru bin Abi °Asim al-Dahhak (1400H), *al-Sunnah Li Ibn Abi °Asim* (Sunt. Muhammadiyah Nasir al-Din al-°Albani), Beirut : al-Maktab al-Islami.

Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad (1983M), *al-Mu°jam al-Kabir* (Sunt. Hamdi bin °Abd al-Majid al-Salafi), al-Musil : Maktabah al-°Ulum wa al-Hikam.

Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad (1415H), *Mu°jam al-°Awsat* (Sunt. Tariq bin °Iwad al-Lah), Kaherah : Dar al-Haramayn.

Dr. Ahmad Muhammad Kan°an (2000M), *al-Mawsu°ah al-Tibbiyyah al-Fiqhiyyah*, Beirut : Dar al-Nafa°is.

Dr. Hisyam Ibrahim al-Khatib. Lihat : Dr. Hisyam Ibrahim al-Khatib (1985M), *al-Wajiz Fi al-Tibb al-Islami*, Amman : Dar al-°Arqam.

Dr. Munir Husayn Fawzi (1982M), *al-°Ulum al-Sulukiyyah Wa al-Insaniyyah Fi al-Tibb*, Kaherah : Maktabah al-Nahdah al-Masriyyah.

Hajah Noresah bt. Baharom dan kawan-kawan (2010M), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Hisyam Ibrahim al-Khatib (1985M), *al-Wajiz Fi al-Tibb al-Islami*, Amman : Dar al-‘Arqam.

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, al-‘Imam Syams al-Din ‘Abi ‘Abd al-Lah Muhammad bin Abi Bakr al-Hanbali al-Dimasyqi (2000M), *al-Tibb al-Nabawiyy* (Sunt. Dr. CAbd al-Mu‘ti ‘Amin Qalcaji), Damsyik : Dar Qutaybah.

Ibn Hazm, ‘Abu Muhammad ‘Ali bin Ahmad bin Hazm al-‘Andalusi (1404H), *al’Ihkam li Ibn Hazm*, Kaherah : Dar al-Hadith.

Ibn Hiban, ‘Abu Hatim Muhammad bin Hiban bin Ahmad al-Tamimi al-Basti (1993M), *Sahih Ibn Hiban* (Sunt. Syucayb al-‘Arnaut), Beirut : Mu’assasah al-Risalah.

Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Mukarram (1990M), *Lisan al-‘Arab*, Beirut : Dar al-Sadir.

Ibn Qudamah, al-Syaykh al-Imam al-cAllamah (1996M), *al-Mughni* (Sunt. Dr. Muhammad Syaraf al-Din Khattab dll), Kaherah : Dar al-Hadith.

Ibn Rahawayh, Ishaq bin Ibrahim bin Mukhlad al-Hanzali (1991M), *Musnad Ishaq bin Rahawayh* (Sunt. Dr. ‘Abd al-Ghafur bin cAbd al-Haqq al-Balusyi), Madinah Munawwarah: Maktabah al-‘Iman.

Ibn Tarkhan, Abi al-Hasan ‘Aly bin ‘Abd al-Karim bin Tarkhan bin Taqiyy al-Din al-Hamawiyy ‘Ala’ al-Din Al-Kahhal (2003M), *al-Ahkam al-Nabawiyyah Fi al-Sina‘ah al-Tibbiyyah* (Sunt. Dr.Ahmad ‘Abd al-Ghani Muhammad al-Najuli Al-Jamal), Kuwait: Dar Ibn Hazm.

Ja‘far Murtada al-‘Amili (1991M), *al-Adab al-Tibbiyyah Fi al-Islam Ma‘a Lamhah Mujizah ‘An Tarikh al-Tibb*, Beirut: Dar al-Balaghah.

Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyayri al-Naysaburi (t.t.), *Sahih Muslim* (Sunt. Muhammad Fu‘ad ‘Abd al-Baqi), Beirut: Dar ‘Ihya’ al-Turath.

Akta Bidan 1966 (Akta 54).

Akta Jururawat 1950 (Akta 14).

Code Of Pofessional Conduct For Nurses

Duties Of Doctors.

<http://members.tripod.com/PPIM/kodetika.htm>